

TERMA DAN SYARAT
SUPER DUPER #SUPERDUPERPRIMA
(4 Mac 2022 – 30 Jun 2022)

Syarat Kelayakan

1. Promosi **"SUPER DUPER" #SUPERDUPERPRIMA** ("Promosi ini") akan bermula pada **4 Mac 2022** sehingga **30 Jun 2022** ("Tempoh Promosi").
2. Promosi ini terbuka bagi pembelian kediaman PRIMA di bawah mana-mana daripada **tujuh (7) projek pembangunan kediaman** Perbadanan PRIMA Malaysia ("PRIMA"), iaitu:-
 - a. **Residensi Seremban Sentral;**
 - b. **Residensi Klebang 2;**
 - c. **Residensi Melaka Tengah 2;**
 - d. **Residensi Bukit Katil;**
 - e. **Residensi Taman Pelangi Indah;**
 - f. **Residensi Larkin Indah;**
 - g. **Residensi Kepayang (Fairpark).**
3. Pembeli/ Pembeli-Pembeli kediaman PRIMA adalah sah menyertai Promosi ini sekiranya:
 - a. Pembeli/ Pembeli-Pembeli kediaman PRIMA memastikan Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) telah **ditandatangani dan dimeterai setem dalam Tempoh Promosi;**
 - b. Pembayaran kepada pihak PRIMA **sekurang-kurangnya 10% daripada harga jualan telah pun dijelaskan oleh:**
 - i. **Pihak institusi kewangan** yang memberikan pinjaman; ATAU
 - ii. **Pembeli/ Pembeli-Pembeli** secara tunai**dalam tempoh bersamaan dan tidak melebihi 45 hari kalendar daripada tarikh penyeteman Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan).**
4. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang menyertai promosi **Rileklah#PRIMAKanAda**, adalah **tidak layak** untuk menyertai Promosi ini.
5. Bagi tujuan Terma & Syarat ini:-

PRIMA merujuk secara kolektif pada Perbadanan PRIMA Malaysia atau Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia, 2012 [Akta 739] ("Akta PRIMA 2012") serta termasuk anak-anak syarikatnya, pengganti dan penerima yang dibenarkan;

Hadiah

1. Hadiah bernilai **RM2,800 dalam bentuk kad hadiah IKEA ("Hadiah")** akan diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli kediaman PRIMA yang memenuhi kesemua terma dan syarat kelayakan yang dinyatakan di atas.
2. Status kelayakan Pembeli/ Pembeli-Pembeli untuk Hadiah Promosi ini akan diumumkan dalam jangka masa enam (6) bulan selepas tamat Tempoh Promosi dan PRIMA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan Terma dan Syarat yang tertakluk di bawah Promosi ini.
3. Para Pembeli yang layak untuk menerima Hadiah Promosi ini akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dengan pihak PRIMA. Pihak PRIMA tidak akan bertanggungjawab sekiranya pengumuman melalui emel berdaftar dengan PRIMA gagal disampaikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak, tidak mengira apa sahaja alasan dan Hadiah akan dibatalkan secara automatik dan tanpa sebarang notis dalam masa tiga puluh (30) hari selepas PRIMA menghantar emel berkenaan pengumuman keputusan Promosi ini dan Hadiah tidak dituntut dalam jangka masa ini.
4. Hanya satu (1) Hadiah akan diberikan bagi setiap unit yang dijual, tidak mengira bilangan pembeli bersama.

5. Syarat dan Terma penebusan dan penggunaan kad hadiah IKEA adalah tertakluk pada syarikat pengeluar. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak menerima hendaklah berurusan terus dengan syarikat pengeluar untuk sebarang pertanyaan atau kemusykilan lanjut terhadap penebusan dan/ atau penggunaan kad hadiah tersebut.
6. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan dan kaedah dipindahmilik, diserahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan secara tunggal dan mutlak diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan atau kaedah ditukar atau ditebus oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak dalam apa-apa bentuk nilai, perdagangan atau pertukaran atau cara lain selain daripada yang ditetapkan oleh pihak PR1MA. Hadiah tidak boleh dalam apa jua keadaan ditukarkan sebagai nilai gantian kepada harga jualan yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jual Beli.
7. PR1MA berhak secara mutlak untuk menukar/ menggantikan mana-mana Hadiah dengan mana-mana barangan atau apa jua bentuk hadiah lain dengan sebarang nilai dari vendor dan/ atau pembekal, yang sama atau berlainan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis kepada semua Pembeli/ Pembeli-Pembeli terlebih dahulu.
8. Pihak PR1MA berhak untuk mengubah dan/atau menggantikan Terma dan Syarat Promosi Super Duper dari semasa ke semasa, seperti yang dianggap sesuai tanpa sebarang notis terdahulu dan penyertaan semua Pembeli/ Pembeli - Pembeli adalah terikat dengan Terma dan Syarat terbaru seperti yang ditetapkan oleh pihak PR1MA, seperti yang dipaparkan di sesawang rasmi PR1MA, www.pr1ma.my.

Pembatalan Kelayakan

1. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang melanggar sebarang Terma dan Syarat Promosi **"SUPER DUPER" #SUPERDUPERPR1MA**, sebarang terma dan syarat di bawah Perjanjian Jual Beli bagi pembelian kediaman PR1MA, mana - mana undang-undang dan/ atau peraturan yang berkuatkuasa akan dibatalkan kelayakan secara automatik tanpa sebarang notis tanpa sebarang pampasan, dan segala kos pembatalan hendaklah ditanggung secara sepenuhnya oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli.
2. Sekiranya Pembeli/ Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli setelah proses Jual Beli disempurnakan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah pembayaran **10%** daripada harga jualan kediaman PR1MA yang telah dijelaskan.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pembeli/ Pembeli-Pembeli dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sepenuhnya.
2. Pihak PRIMA tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa tanggungan rugi bagi apa-apa kos tambahan yang akan ditanggung oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli akibat daripada penebusan Hadiah dan susunatur yang dibuat oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli bersama pihak pengeluar dan/ atau pembekal yang berkenaan. Pihak PRIMA juga tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah memberikan sebarang waranti dan jaminan samada secara tersurat atau tersirat berkaitan ketersediaan dan penggunaan apa-apa Hadiah yang ditebus dan susunatur yang dibuat dengan pihak pengeluar dan/ atau pembekal berkenaan.
3. Penyertaan Pembeli/ Pembeli-Pembeli untuk Promosi ini adalah di atas risiko sendiri. PRIMA, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/ atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri sendiri atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua keadaan dan cara berhubung dengan penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah. Pembeli-Pembeli menanggung rugi PRIMA terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian atau ganti rugi yang dibuat oleh mereka sendiri atau oleh mana-mana pihak ketiga yang lain dalam apa jua keadaan atau cara berhubung dengan Promosi ini, penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah.
4. Sebarang perubahan termasuk tafsiran Terma dan Syarat Promosi ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa PRIMA sepenuhnya dan apa-apa notis dan/ atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh PRIMA berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad.
5. Promosi ini tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah menjadi sebarang penambahan, variasi atau pindaan kepada Perjanjian Jual Beli di antara PRIMA dan Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang membeli kediaman PRIMA.
6. Promosi ini adalah tertakluk pada pembelian unit kediaman PRIMA yang masih sedia ada untuk dijual.